

17 JUN, 2023

Tokun Top jadi tarikan

Kosmo, Malaysia

Page 1 of 2

Bakal diperkenalkan di Pesta Durian Bukit Mertajam

Tokun Top jadi tarikan

Oleh ISWAN SHAFIQ ISA

SEBERANG PERAI — Durian Tokun Top D220 atau nama saintifiknya *durio zibethinus* dijangka menjadi antara varieti raja buah yang bakal mencuri tumpuan pada Pesta Durian Bukit Mertajam 2023 minggu depan.

Berasal dari kampung sekitar Cherok Tokun, durian itu dikenali kerana kulitnya yang hijau keperangan dan isi berwarna kuning lembut dengan tekstur serta kandungan krim yang sederhana.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Datuk Azhar Arshad berkata, selain memperkenalkan varieti durian baru itu, Pesta Durian Bukit Mertajam 2023 yang julung kalinya diadakan itu juga bertujuan membantu peniaga dan pekebun kecil memasarkan dan mempromosikan buah durian serta produk hilir berdasarkan raja buah tersebut.

"Pesta durian tersebut akan diadakan selama dua hari iaitu pada 24 dan 25 Jun ini di Mydin Bukit Mertajam bermula dari pukul 9 pagi hingga 7 malam.

"Selain pelbagai gerai menjual buah durian, aktiviti lain yang turut berlangsung sepanjang pesta berkenaan ialah deko memasak kuih-muih dan dodol berdasarkan durian serta jualan barang berdasarkan durian dari FAMA (Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan)," katanya ketika



AZHAR (duduk dua dari kanan) menunjukkan durian Tokun Top D220 ketika majlis prapelancaran Pesta Durian Bukit Mertajam di Green View Durian Orchard, Bukit Mertajam semalam.

ditemui di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika majlis prapelancaran pesta tersebut di Green View Durian Orchard, Bukit Mertajam yang turut dihadiri oleh Pengarah FAMA negeri, Mohd. Azrale Ramli dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubok, Lee Khai Loon.

Sementara itu, salah seorang daripada pemilik Green View Orchard, Zhang Pei Pei, berbesar hati apabila ladang durianya terpilih untuk menjayakan majlis prapelancaran pesta itu.

Menurut Pei Pei, selain mengusahakan Tokun Top D220, mereka turut mengusahakan beberapa varieti durian lain secara

organik.

"Untuk makluman, Greenview Orchard adalah ladang durian yang diwarisi daripada bapa mentua saya dan ladang ini kini telah berusia 50 tahun.

"Kami bangga kerana dapat meneruskan tradisi penanaman serta penjagaan durian di sini," katanya yang telah menanam se-



DURIAN Tokun Top D220 dijangka menarik perhatian orang ramai.



Pesta durian tersebut akan diadakan selama dua hari iaitu pada 24 dan 25 Jun ini di Mydin Bukit Mertajam bermula dari pukul 9 pagi hingga 7 malam."

hingga 120 pokok durian ketika ini dan meletakkan kod QR pada setiap pokok bagi memudahkan pemantauan dilakukan.

Sempena prapelancaran itu juga, Pei Pei turut membawa kesemua tetamu meninjau ke kebun durian tersebut dan berkongsi panduan serta pengetahuan berkaitan penanaman durian.



17 JUN, 2023

Tokun Top jadi tarikan

Kosmo, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Bakal diperkenalkan di Pesta Durian Bukit Mertajam

SEBERANG PERAI - Durian Tokun Top D220 atau nama saintifiknya durio zibethinus dijangka menjadi antara varieti raja buah yang bakal mencuri tumpuan pada Pesta Durian Bukit Mertajam 2023 minggu depan. Berasal dari kampung sekitar Cherok Tokun, durian itu dikenali kerana kulitnya yang hijau keperangan dan isi berwarna kuning lembut dengan tekstur serta kandungan krim yang sederhana.